

Jadi negara maju elak ditindas — PM

UM 22 SEP 2001

Oleh SITI MARIAM ZAIN

ALOR SETAR 21 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia berusaha untuk menjadi negara maju bukan untuk berbangga, tetapi demi mempertahankan maruah dan keselamatan bangsa daripada penindasan pihak luar.

Perdana Menteri berkata, tanpa kemajuan negara tidak akan selamat daripada tekanan dan penindasan pihak luar yang sentiasa mencari peluang untuk melakukannya.

“Kita ingin menjadi sebuah negara maju bukan untuk berbangga-bangga, bukan untuk menepuk dada.

“Tetapi kita tahu selagi kita tidak maju, maka akan ada percubaan untuk menindas sama ada secara terancang ataupun secara kebetulan,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Pelan Tindakan Kedah Maju (PTKM) 2010 di Wisma Darul Aman di sini, hari ini.

Kira-kira 10,000 rakyat Kedah hadir pada pelancaran itu.

Menurut Dr. Mahathir, melihat kepada betapa pentingnya kemajuan, maka Malaysia perlu merancang pembangunannya secara teratur agar matlamat ke arahannya berjaya dicapai dengan sempurna.

“Kita telah lihat apa yang berlaku terhadap negara-negara lain ketika diserang oleh penyangak mata wang. Jika kita tidak mempunyai kekuatan dalaman mustahil kita dapat menangkis serangan di dalam negara kita.

“Inilah hikmat dan nikmat pembangunan yang kita kejar di dalam negara. Kita mahu melihat negara kita ini membangun secara tersusun, terancang kerana kita dapati kalau kita tidak merancang dengan tertib, nescaya kita tidak akan menda-

pat kejayaan yang sepenuhnya,” tegas beliau.

Katanya lagi, pada masa ini Malaysia walaupun belum maju sepenuhnya namun dengan sikap dan semangat ingin berusaha yang ditunjukkan rakyat, negara mampu memberikan sumbangan kepada negara-negara miskin yang memerlukan bantuan.

“Kita telah memberi banyak bantuan kepada negara-negara yang miskin, memberi latihan kepada mereka bahkan memberi sumbangan kepada mereka.

“Semasa Bosnia diserang oleh pihak Serb, kita mampu menghantar askar kita seramai 1,500 untuk menyelamatkan rakyat Bosnia. Ini menunjukkan bahawa apa-

bila kita mampu, kita dapat mempertahankan orang yang tidak bernasib baik di samping mempertahankan kedaulatan negara.

“Inilah cara kita untuk menyelamatkan negara dan ini juga cara untuk menolong mereka yang tidak bernasib baik,” ujar beliau.

Untuk memastikan kemajuan di Malaysia berjalan lancar, kata Perdana Menteri, kerajaan perlu mempunyai sasaran tertentu terhadap rancangan yang akan dilaksanakan di peringkat Pusat ataupun negeri.

“Kita ada rancangan jangka panjang 20 tahun dan serentak kita mempunyai rancangan pembangunan 30 tahun iaitu sehingga tahun 2020.

“Rancangan-rancangan ini bertujuan untuk menentukan rakyat dapat menumpukan perhatian terhadap sasaran kita. Kalau kita tidak tahu ke arah mana hendak dituju, mustahil kita dapat sampai ke tempat yang dituju dengan cepat dan jayanya,” katanya lagi.

Bagi peringkat negeri Kedah, Dr. Mahathir berkata, dalam perancangan PTKM 2010 sasaran kerajaan negeri ialah Kedah akan menjadi negeri maju pada tahun 2010.

Sambil yakin Kedah akan mencapai matlamatnya, Dr. Mahathir mengingatkan semua pihak agar memberikan sokongan selain berusaha bersungguh-sungguh kerana ia adalah aspek yang paling

penting untuk mencapai kejayaan.

“Usaha bersungguh-sungguh, bermakna semua rakyat mesti menyumbang kepada usaha ini, tidak boleh menjayakan matlamat hanya dengan peruntukan daripada kerajaan.

“Kita berharap Kerajaan Pusat dapat memberikan sumbangan seperti yang diminta oleh kita... kita berharap, tetapi belum tentu kita boleh dapat. Yang penting ialah kita berusaha sendiri setakat yang kita mampu,” jelasnya.

Hadir sama adalah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Exco-Exco kerajaan negeri.